

TARIKH	9 / 12 / 2016	SEKSYEN	
MUKA SURAT	7	RUANGAN	SEJEMPAT

>> Kemasukan **pertama** bagi jemaah haji dan umrah adalah **percuma**

HARIAN METRO

## Sah tidak benar

■ Tiada pembatalan kadar baru visa Arab Saudi

Mohd Husni Mohd Noor  
mhusni@metro.com.my

Putrajaya

**K**ementerian Luar mengesahkan laporan mengenai pembatalan kadar baru visa Arab Saudi yang tersebar di media tempatan dan antarabangsa adalah tidak benar.

Dalam kenyataan dikeluarkan Kementerian Luar semalam berkata, Kedutaan Besar Malaysia di Riyadh, Arab Saudi menyemak

maklumat itu dengan Kementerian Luar Arab Saudi dan setakat ini tiada dekri atau titah diraja dikeluarkan mengenai perkara itu.

Menurutnya, tiada dekri dan titah diraja dikeluarkan Penjaga Dua Masjid Suci iaitu Raja Salman Abdulaziz Al-Saud berhubung perkara berkenaan.

"Kedutaan Besar Arab

Saudi di Kuala Lumpur juga memaklumkan tiada arahan terkini yang dikeluarkan Kerajaan Arab Saudi mengenai pembatalan kadar baru visa itu.

"Oleh itu, media serta orang ramai dipohon tidak mudah percaya kepada maklumat yang belum disahkan kebenarannya bagi mengelakkan kekeliruan," katanya.

Katanya, setiap perubahan hanya diumumkan Kerajaan Arab Saudi melalui kedutaan dan rangkaian rasmi kerajaan negara terbabit.

Kenaikan kadar visa Arab Saudi yang diumumkan sebelum ini dikuatkuasakan ke atas semua negara tanpa pengecualian.

Menerusi struktur kadar visa baru itu, kemasukan pertama bagi jemaah haji dan umrah adalah percuma manakala bagi kemasukan kedua dan seterusnya dikenakan bayaran SAR 2,000 (Riyal Arab Saudi).

### FAKTA

Tiada dekri, titah diraja dikeluarkan Raja Salman Abdulaziz Al-Saud